

PLKN Pupuk Disiplin & Semangat Patriotisme

Berlandaskan pemupukan semangat patriotisme serta jalinan integrasi nasional yang harmonis, program ini diadakan dalam usaha mewujudkan kestabilan dan kesejahteraan rakyat berterusan dan kekal utuh.

Oleh: SAHAROM BIN ABD AZIZ
Foto: MOHD SHUKOR HASSAN



Latihan memasukkan peluru di dalam railfa M-16.



Semasa latihan praktikal menggunakan peluru kapur di Kem Setia Ikhlas di Semenyih, Selangor.



Berbaris penuh semangat...di Lapangasar Sungai Besi.



Bersedia untuk menembak...di Lapangasar Sungai Besi.

**Satu Hasrat
Satu Semangat
Satu Tekad**

**KHIDMAT NEGARA
Tanggungjawab Bersama**

BEGITULAH moto Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang sering berkumandang di kaca televisyen dan corong-corong radio. Demi untuk melahirkan generasi yang berwawasan dan berdisiplin, PLKN telah diperkenalkan khusus untuk menyemarakkan lagi perasaan cinta dan sayangkan negara. Berlandaskan pemupukan semangat patriotisme serta jalinan integrasi nasional yang harmonis, program ini diadakan dalam usaha mewujudkan kestabilan dan kesejahteraan rakyat berterusan dan kekal utuh.

Ia dijalankan dengan menyatupadukan kumpulan generasi muda yang dibesarkan dari latar belakang dan keturunan yang berbeza, dengan hasrat dapat membentuk sebuah masyarakat yang berdisiplin, yakin diri dan dilengkapi sikap luhur yang sentiasa bersedia menghadapi sebarang cabaran dan dugaan.

PLKN diadakan bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut

- Meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda
- Memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional
- Menimbulkan keprihatinan untuk berjasa kepada masyarakat
- Melahirkan generasi muda yang cergas serta penuh keyakinan diri
- Membentuk pewartakan positif menerusi nilai-nilai murni.

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Kumpulan ke-3 Siri 3/2006 telah bermula pada 25 Jun dan dijadualkan tamat pada 16 September 2006. **PLKN masih mengekalkan empat modul teras iaitu**

1. Modul Fizikal.
2. Modul Pembinaan Karakter
3. Modul Kenegaraan dan
4. Modul Khidmat Komuniti

Semamai 15, 820 pelatih kini berada di 77 buah kem PLKN seluruh Malaysia (Semenanjung 63 kem, Sarawak enam kem, dan Sabah lapan kem).

Untuk pertama kalinya bermula dengan pelatih-pelatih Kumpulan 3 Siri 3/2006, latihan pendedahan pengendalian dan penembak senjata M-16 diperkenalkan sebagai lanjutan kepada Modul Fizikal (latihan kawad kaki, kembara halangan, elemen tali tinggi dan tali rendah,

latihan berakit dan berkayak, tempur tanpa senjata, kraf hutan, dan ihtiar hidup). Latihan ini dikendalikan sepenuhnya dengan bantuan Angkatan Tentera Malaysia(ATM).

Sukatan pelajaran pendedahan senjata meliputi

- 1 hari kelas teori di dalam kem PLKN
- 1 hari latihan menembak di lapangasar

Latihan Teori

"Latihan dijalankan dalam kumpulan kecil (20 pelatih) dan dikendalikan oleh tiga orang jurulatih tentera setiap kumpulan.

"Sukatan pelajaran meliputi mengenal, membuka, mencuci, dan memasang senjata.

"Pelatih-pelatih turut diajar cara-cara memegang senjata dengan betul, serta menahan (fokus) kepada sasaran untuk menembak.

"Pelatih turut didedahkan dengan langkah keselamatan semasa mengendalikan senjata dan arahan-arahan yang dipatuhi semasa berada di lapangasar.

Latihan Menembak

•Sepanjang tempoh menembak, pelatih adalah di bawah kawalan pasukan tentera yang dilantik oleh Markas Angkatan Tentera Malaysia.

•Satu sesi ulang kaji diadakan sebelum latihan menembak di mulakan.

•Setiap pelatih diringi oleh seorang jurulatih/pengasuh sepanjang waktu menembak dan 10 orang pelatih akan menembak mengikut giliran dalam satu masa.

•Kemudahan penghadang telinga, penyumbat telinga disediakan dan diwajibkan bagi setiap pelatih untuk menggunakannya bagi mengelakkan gangguan pendengaran.

•Setiap pelatih diberi peluang satu kali saja menembak (30 butir peluru)

Lapangasar yang digunakan untuk latihan adalah seperti berikut:

- Angkatan Tentera Malaysia (ATM) - 17 lapangasar
- Polis Diraja Malaysia (PDRM) -10 lapangasar
- Kerajaan Negeri - 2 lapangasar
- Kementerian Keselamatan Dalam Negeri - 1 lapangasar

Sepanjang tempoh latihan ini, Anggota Tentera Darat, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia telah ditugaskan untuk membantu dan menyelaraskan latihan pengendalian senjata PLKN.

Menurut Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara, Tan Sri Lee Lam Thye, sepanjang latihan sama ada teori atau praktikal, semua senjata dikendalikan oleh jurulatih. Pelatih hanya menarik picu dan merasa tembakan menggunakan peluru kosong ketika latihan teori dan peluru hidup di lapangasar.Menurut beliau, isu bahaya tidak timbul langsung kerana pelatih diawasi jurulatih.

Dewan Siswa telah berpeluang ke Kem Setia Ikhlas, Semenyih (Latihan Teori) dan Lapangasar Kem Sg Besi (Latihan Teori) dalam sesi bersama media baru-baru ini untuk meninjau latihan pendedahan pengendalian senjata pelatih PLKN Antara tetamu kehormat yang hadir dalam latihan ini ialah Tan Sri Lee Lam Thye, Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara, Laksamana Tan Sri Anwar Bin Mohd Nor, Panglima Angkatan Tentera, Mej Jen Dato

Mokhtar bin Perman, Panglima Markas Latihan Tentera Darat, dan Tuan Haji Abdul Halim bin Abd Hamid, Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara.

Komen Pelatih Fasihah Anak Daud Sibul, Sarawak

"Saya berasa gembira dan seronok kerana berpeluang untuk memegang senjata. Mula-mula memang rasa gementar tapi lama kelamaan perasaan seronok yang datang. Mula-mula menyertai PLKN saya berasa bosan dan tidak gembira kerana berpisah dengan keluarga. Lama kelamaan berasa seronok pula sebab bertemu dengan ramai kawan-kawan. Kalau ada peluang, saya bermintah hendak menjadi jurulatih PLKN."



Nornazira bt Zamshah Bangi, Selangor

"Mula-mula ditawarkan untuk menyertai PLKN saya tidak seronok kerana terpaksa berpisah lama dengan keluarga dan kawan-kawan. Lama-kelamaan saya berasa seronok kerana pengisian program yang padat dan berkesan."



"Mula-mula memegang senjata saya berasa agak gementar. Lama kelamaan datang perasaan seronok. Kalau ada peluang saya ingin memegangnya lagi. Setelah menjalani latihan saya tidak gementar lagi. Saya bercadang menjadi polis agar saya dapat menyumbang tenaga kepada negara."

Goh Hor Yee Ampang, Kuala Lumpur.

"Masa mula-mula pegang senapang itu saya berasa takut juga kerana inilah pertama kali saya memegang senjata yang sebenar. Lama-kelamaan tunjuk ajar daripada jurulatih saya semakin berani. Pengalaman memegang senjata suatu pengalaman yang menarik sekali. Ini satu cabaran buat diri saya. Kalau ada peluang lain, saya bercadang memegang pistol pula."



"Masa mula-mula menyertai PLKN agak membosankan kerana kami asyik disuruh berbasah di bawah matahari yang panas. Lama-kelamaan datang perasaan seronok apabila berjumpa ramai kawan-kawan. Di samping itu pelbagai aktiviti yang diadakan menyebabkan masa saya lebih terisi dan dapat dimanfaatkan".

Di samping itu melalui penyertaan dalam PLKN saya boleh mendisiplinkan diri saya. Sebelum ini dari segi masa, saya kurang dapat menepati masa. Setelah sebulan di sini, saya dapat mendisiplinkan diri saya."

Mohd Hafizul bin Hassan Ketengah Jaya, Terengganu

"Saya berasa seronok berada di PLKN kerana saya di sini saya berpeluang memegang senjata. Di samping itu di sini saya diajar untuk lebih berdisiplin. Malah semasa saya di sini saya berasa diri saya lebih berdisiplin. Di sini saya diasuh untuk menjaga solat. Hal ini merupakan suatu pengalaman yang paling berharga buat diri saya."



"Mula-mula berada di sini memang saya rasa bosan. Antaranya asyik berkawad. Lama-kelamaan perasaan itu hilang dan datang perasaan seronok. Apabila tamat latihan di sini saya bercadang menjadi seorang anggota tentera agar saya dapat menyumbang apa-apa yang saya pelajari di sini.

Hashimah Sulaiman Labuan, Sabah

Masa mula-mula menyertai PLKN, saya rasa tak gembira kerana latihan yang dijalankan di sini agak memenatkan. Namun lama kelamaan perasaan itu hilang dan saya berasa seronok pula. Lebih-lebih lagi saya dapat bertemu dengan ramai kawan dari seluruh Malaysia. Banyak pengalaman yang saya pelajari di sini.



"Apabila berpeluang memegang senjata keseronokan saya bertambah kerana saya belum pernah memegang senjata sebelum ini. Saya diajar oleh pengasuh cara-cara memegang senapang dengan betul. Pengalaman ini sungguh bermakna buat saya. Tambahan pula di sini saya boleh mendisiplinkan diri saya berbanding dulu. Ini menyebabkan hidup saya lebih terisi."

Airin Sarah Labuan, Sabah.

"Saya berasa gembira kerana dapat menyertai PLKN. Di sini saya bertemu dengan ramai-kawan-wangsa. Memang pada mulanya aktiviti yang diadakan agak memenatkan lama-kelamaan saya berasa seronok dan gembira di sini."



"Masa mula-mula pegang senjata memang menyebarkan. Dengan tunjuk ajar pengasuh saya dapat mengatasi masalah itu dengan baik. Tambah seronok pula dapat memegang senjata. Ini satu pengalaman yang baru buat diri saya. Kalau ada kesempatan saya bercadang mencubanya lagi." ■

YOU 2006 / A01